



Tarikh Berkuatkuasa: 14/10/2025

**TERMA DAN SYARAT**  
**AEON BANK NEKO MISSION - CASHBACK MADE EASY**

**PENTING**

Sila baca terma dan syarat di sini untuk *AEON Bank Neko Mission - Cashback Made Easy* ("Misi") yang dipaparkan di Aplikasi AEON bank dan/atau laman sesawang AEON Bank ("Terma dan Syarat"). Anda terikat dengan Terma dan Syarat ini melalui penyertaan anda dalam Misi ini. Dengan menyertai Misi ini, anda bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, serta sebarang terma dan syarat berkaitan yang lain.

**1. Definisi**

Terma	Definisi
<b>"AEON Bank" atau "Bank"</b>	Merujuk kepada AEON Bank (M) Berhad.
<b>"Akaun Simpanan-i AEON Bank"</b>	Merujuk kepada akaun simpanan patuh Syariah yang ditawarkan oleh AEON Bank.
<b>"AEON Bank Neko Mission" atau "Neko Mission"</b>	Merujuk kepada kempen di mana Pelanggan boleh memperoleh <i>Neko Paws</i> untuk transaksi atau aktiviti tertentu menggunakan Aplikasi AEON Bank.
<b>"Neko Paw"</b>	Merujuk kepada pengumpulan setem yang diterima daripada transaksi yang dinyatakan dalam <i>Neko Mission</i> . <i>Neko Paws</i> dikumpulkan secara digital dan boleh ditebus untuk pelbagai ganjaran, diskau, atau tawaran.
<b>"Aplikasi AEON Bank"</b>	Merujuk kepada aplikasi mudah alih yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan AEON Bank.
<b>"Ganjaran Pulangan Tunai"</b>	Merujuk kepada ganjaran berbentuk wang bernilai RM30 atau RM20 yang dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan.
<b>"Ganjaran Tambahan"</b>	Merujuk kepada hadiah bulanan yang telah ditetapkan untuk dihadiahkan kepada pelanggan semasa Tempoh Misi.
<b>"Peniaga"</b>	Merujuk kepada entiti yang berdaftar secara sah sebagai perniagaan.
<b>"DuitNow QR Peniaga"</b>	Merujuk kepada transaksi yang menggunakan AEON Bank DuitNow QR untuk membuat pembayaran kepada peniaga dengan Kod Kategori Peniaga (MCC) yang mematuhi keperluan Syariah.
<b>"Ganjaran"</b>	Merujuk kepada Ganjaran Pulangan Tunai dan Ganjaran Tambahan yang diberikan sepanjang tempoh misi.
<b>"Pelanggan Baru"</b>	Merujuk kepada pelanggan yang berjaya melengkapkan proses mendaftar dengan AEON Bank pada atau selepas 14 Oktober 2025 jam 12:00 tengah



	malam.
<b>“Pelanggan Tersedia ada”</b>	Merujuk kepada pelanggan yang berjaya melengkapkan proses mendaftar dengan AEON Bank sebelum 13 Oktober 2025 jam 11:59 malam.
<b>“Pelanggan” atau “anda” atau “milik anda”</b>	Merujuk kepada pelanggan AEON Bank.

## 2. Kelayakan

- 2.1 Semua Pelanggan yang telah berjaya mendaftar, mengaktifkan akaun mereka, dan merupakan pelanggan AEON Bank yang aktif sepanjang Tempoh Misi, kecuali yang berikut:
- (a) Pelanggan yang Akaun Simpanan-i AEON Bank telah ditamatkan, ditutup, digantung, delinkuen atau dijalankan dengan tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh AEON Bank semasa Tempoh Misi; dan
  - (b) Pelanggan yang tidak sihat mental, meninggal dunia, diputuskan muflis atau terdapat sebarang prosiding undang-undang yang dimulakan terhadap Pelanggan.
- 2.2 Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pekerja Bank hanya layak menerima Ganjaran Pulangan Tunai sahaja di bawah Misi ini.

## 3. Tempoh Misi

Misi akan bermula pada 1 Oktober 2025 dan berakhir pada 31 Disember 2025, atau sebelum, jika Ganjaran telah mencapai had, mana-mana yang terdahulu.

Sebarang lanjutan Tempoh Misi akan ditentukan oleh AEON Bank mengikut budi bicara mutlaknya.

## 4. Mekanik Misi

### Mekanik Ganjaran Pulangan Tunai

- 4.1 Pelanggan Baru dan/atau Pelanggan Sedia Ada mestilah melengkapkan satu pembelian menggunakan DuitNow QR Peniaga atau Kad Debit-i melalui saluran MyDebit dengan nilai minimum RM30 dalam satu transaksi (“**Transaksi**”) untuk menerima satu (1) *Neko Paw*. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan hanya akan menerima **satu (1) Neko Paw** bagi setiap transaksi, tanpa mengira sama ada jumlah transaksi melebihi nilai minimum yang ditetapkan.
- 4.2 Pelanggan yang berjaya mengumpul **lapan (8) Neko Paw** akan secara automatik menerima ganjaran berikut berdasarkan kategori masing-masing.

Pelanggan	Ganjaran Pulangan Tunai
-----------	-------------------------



Pelanggan Baru	RM 30
Pelanggan Tersedia ada	RM 20

Mekanik Ganjaran Tambahan

- 4.3 Pelanggan yang membuat **dua puluh (20)** transaksi melalui DuitNow QR Merchant atau menggunakan Kad Debit-i AEON Bank dengan saluran MyDebit akan dipilih secara rawak untuk menerima ganjaran tambahan berikut mengikut bulan yang dinyatakan (“**Bulan**”) (“**Ganjaran Tambahan**”). Untuk mengelakkan sebarang keraguan, jumlah transaksi yang dibuat dalam satu Bulan tidak akan dibawa ke Bulan berikutnya.

Bulan	Ganjaran Tambahan	Nombor Pemenang
14 Okt 2025 - 13 Nov 2025	Sony Playstation 5 Disc Console (Slim) - Two Dual Sense Wireless Controller Bundle	1
14 Nov 2025 - 13 Dis 2025	Samsung Z Fold 7	1
14 Dis 2025 - 13 Jan 2026	iPhone 17	1

Sekiranya sebarang dan/atau semua Ganjaran Tambahan yang dinyatakan di atas tidak tersedia disebabkan oleh keadaan di luar jangka, AEON Bank, mengikut budi bicara mutlaknya, berhak untuk menggantikan Ganjaran Tambahan tersebut dengan barang yang sama nilai, pada bila-bila masa dan tanpa notis terdahulu kepada Pelanggan.

- 4.4 Pemenang bagi setiap Ganjaran Tambahan akan diumumkan dalam tempoh **tiga puluh (30)** hari bekerja dari hari terakhir Bulan tersebut (atau pada tarikh lain yang ditentukan oleh AEON Bank) melalui paparan *Story* di laman Instagram rasmi AEON Bank, yang akan kekal selama dua puluh empat (24) jam sahaja (“**Tarikh Pengumuman**”). AEON Bank akan cuba menghubungi setiap pemenang beberapa kali melalui emel dan setiap pemenang bersetuju untuk memberikan nama penuh, alamat, nombor telefon dan sebarang maklumat lain seperti yang diperlukan oleh AEON Bank, dalam tempoh **lima belas (15)** hari dari Tarikh Pengumuman.
- 4.5 Ganjaran Tambahan akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh **tiga puluh (30)** hari bekerja dari Tarikh Pengumuman seperti dinyatakan dalam Klausus 4.4 di atas. Sekiranya pemenang gagal memberikan maklumat yang diperlukan kepada AEON Bank dalam tempoh masa yang ditetapkan dan/atau dalam situasi di mana AEON Bank menganggapnya perlu, AEON Bank berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang tersebut atau memberikan Ganjaran kepada pemenang gantian. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, penghantaran Ganjaran akan diuruskan oleh AEON Bank tanpa sebarang kos tambahan kepada pemenang, melainkan terdapat sebarang perubahan pada maklumat penghantaran yang telah diberikan atau sekiranya terdapat permintaan penghantaran tambahan.
- 4.6 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Klausus 4.5 di atas, Ganjaran Tambahan bagi pemenang yang tinggal di luar Lembah Klang akan dipos dalam tempoh **enam puluh (60)** hari bekerja dari tarikh AEON Bank menerima butiran pemenang seperti dinyatakan dalam Klausus 4.4 (atau pada tarikh lain yang ditentukan oleh AEON Bank). Untuk mengelakkan sebarang keraguan, penghantaran Ganjaran hanya akan dibuat ke alamat di Malaysia. AEON Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan, salah hantar



atau kegagalan penghantaran Ganjaran yang berpunca daripada maklumat yang tidak tepat, tidak lengkap atau salah yang diberikan oleh pemenang, atau kelewatan pemenang dalam memberikan maklumat yang diperlukan kepada AEON Bank. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk memastikan semua maklumat yang diberikan kepada AEON Bank adalah tepat dan terkini.

- 4.7 AEON Bank berhak untuk memilih pemenang gantian bagi setiap pemenang yang hilang kelayakan atas sebab-sebab yang dinyatakan di sini tanpa sebarang kewajipan untuk memberikan notis lanjut kepada pemenang yang hilang kelayakan tersebut.
- 4.8 Semua Ganjaran Tambahan adalah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh diagihkan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebaliknya. AEON Bank berhak untuk menukar Ganjaran Tambahan dengan item lain yang bernilai sama, pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terdahulu.
- 4.9 Semua Ganjaran diberikan berdasarkan “seadanya”. Ganjaran hendaklah digunakan/diterima sepenuhnya atas risiko Peserta dan AEON Bank menafikan sebarang jaminan serta liabiliti berhubung dengan Ganjaran tersebut setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 4.10 Setiap Pelanggan hanya layak menerima **satu (1)** Ganjaran Pulangan Tunai dan **satu (1)** Ganjaran Tambahan sahaja, dengan syarat mereka tidak termasuk dalam kategori Klausula 2.2. Ganjaran Pulangan Tunai akan diberikan berdasarkan prinsip ‘first-come, first-served’ dan semua Ganjaran akan tertakluk kepada ketersediaan.

## 5. Terma dan Syarat Am

- 5.1 AEON Bank berhak untuk meminda mana-mana bahagian Terma dan Syarat yang terkandung di sini dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui laman sesawang Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank dan Pelanggan akan terikat dengan pindaan tersebut.
- 5.2 Dengan menyertai dan mengaktifkan Misi ini, Pelanggan bersetuju dan menerima sepenuhnya semua terma dan syarat yang terkandung di sini secara tanpa syarat serta bersetuju bahawa keputusan AEON Bank berkaitan dengan Misi dan semua perkara yang berkaitan dengannya adalah muktamad dan mengikat, dan sebarang pertanyaan, rayuan, atau korespondensi tidak akan dilayan.
- 5.3 AEON Bank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan mana-mana Misi ini atau sebarang promosi yang berkaitan dengannya pada bila-bila masa, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui laman sesawang Bank dan/atau melalui Aplikasi AEON Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, semakan, penggantungan, lanjutan atau penamatan AEON Bank *Neko Mission* ini sebelum tamat tempoh Misi tidak akan memberi hak kepada Pelanggan untuk menuntut sebarang pampasan daripada AEON Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada pembatalan, lanjutan, penggantungan, atau penamatan tersebut.
- 5.4 Jika Pelanggan didapati tidak layak atau didapati telah melakukan penipuan dalam apa jua bentuk pada bila-bila masa semasa atau selepas mana-mana Misi, AEON Bank berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan kelayakan Pelanggan tersebut dan membatalkan/menarik balik/meminta semula sebarang Ganjaran yang diberikan kepada Pelanggan tersebut, dan jika gagal, Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk memberi pampasan kepada AEON Bank bagi nilai dan kos Ganjaran tersebut. AEON Bank juga



berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang dianggap perlu terhadap Pelanggan tersebut.

- 5.5 AEON Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi baik, langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) bagi mana-mana pihak bagaimana sekalipun ia timbul sama ada dalam kontrak, tort, kelalaian atau sebaliknya, berkaitan dengan *Neko Mission* ini.
- 5.6 Dengan menyertai AEON Bank *Neko Mission* ini, Pelanggan bersetuju dengan [Notis Privasi](#) of AEON Bank di mana Pelanggan bersetuju untuk membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses, dan digunakan oleh AEON Bank.
- 5.7 Dengan menyertai AEON Bank *Neko Mission* ini, Pelanggan bersetuju bahawa AEON Bank tidak akan bertanggungjawab jika AEON Bank tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada kewajipan di sini yang boleh dikenakan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, wabak atau sebarang bencana alam yang berada di luar kawalan AEON Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor yang berkaitan dengan force majeure yang berada di luar kawalan AEON Bank secara munasabah.
- 5.8 AEON Bank dan pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh AEON Bank untuk tujuan AEON Bank *Neko Mission* ini) tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh seorang Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung dari AEON Bank *Neko Mission* ini, kecuali disebabkan oleh kecuaian atau salah laku yang disengajakan oleh AEON Bank berkaitan dengan AEON Bank *Neko Mission* ini secara khusus.
- 5.9 Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan hendaklah menanggung semua kos, perbelanjaan, fi, dan/atau caj yang berkaitan dengan penerimaan, penebusan, dan/atau penyertaan dalam AEON Bank *Neko Mission*.
- 5.10 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Misi ini hendaklah dirujuk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 5.11 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti, dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubungan dengan Misi ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 5.12 Terma dan Syarat Misi ini mungkin juga tersedia dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, konflik, kekaburuan atau perbezaan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia ini, versi Terma dan Syarat Bahasa Inggeris akan terpakai.